




TATAKELAKUAN SONY GROUP

Di Sony Group, kita mengejar Tujuan kita dan berusaha untuk menyampaikan Kando melalui kreativiti dan teknologi, seperti yang digariskan dalam visi jangka panjang kita, "Visi Hiburan Kreatif". Kita juga menghargai empat Nilai, yang merupakan asas aktiviti harian kita.

Tatakelakuan Sony Group menetapkan standard dalam tindakan, berdasarkan Tujuan dan Nilai kita. Ketika anda menghadapi cabaran harian dalam tingkah laku yang bertanggungjawab, anda memainkan peranan penting dalam mengekalkan kepercayaan terhadap jenama Sony dan memenuhi komitmen kita kepada pelbagai pihak berkepentingan.

Saya menggalakkan setiap daripada anda untuk merenungkan bagaimana anda seharusnya bertindak, menggunakan Tatakelakuan sebagai panduan anda. Marilah kita bersama-sama berusaha ke arah integriti dan ketulusan, dengan memanfaatkan kuasa kreativiti dan teknologi dalam mencipta realiti yang tidak terhingga dan membina masa depan yang lebih cerah.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
Wakil Pegawai Eksekutif Korporat
Sony Group Corporation

Hiroki Totoki





"Adakah kelakuan ini akan menyumbang kepada masa hadapan yang lebih baik untuk Sony dan masa hadapan yang lebih baik untuk masyarakat dan planet bumi kita?" Inilah soalan yang cuba untuk dijawab oleh Tatakelakuan Sony Group.

Tatakelakuan kita membantu kita menjalankan perniagaan kita secara adil dengan sentiasa mengingati soalan di atas. Dengan mematuhi Tatakelakuan kita dalam tugas harian kita, kita boleh memupuk kepercayaan daripada pelanggan kita, rakan perniagaan kita, pelabur kita, rakan sekerja kita dan berbilang pihak berkepentingan yang lain di sekeliling kita. Kepercayaan terhadap Sony memperkasakan kita dalam perjalanan kita ke hadapan dan kepercayaan tersebut menyumbang kepada pertumbuhan lestari Sony.

Tatakelakuan menerangkan tindakan yang perlu diambil untuk mendapatkan kepercayaan daripada pihak berkepentingan kita. Buku kecil Tatakelakuan kita juga menyertakan sumber tambahan untuk anda. Sila baca sumber tambahan tersebut apabila anda berpeluang untuk berbuat demikian dan gunakan sumber tambahan itu dalam aktiviti seharian anda. Ketua anda dan jabatan khusus sentiasa bersedia untuk memberikan sokongan.

Marilah bersama-sama menjadikan Tatakelakuan kita sebagai standard yang perlu diamalkan dalam tingkah laku harian kita.

Naib Presiden Kanan

Bertanggungjawab ke atas hal ehwal undang-undang, pematuhan, privasi,
harta intelek dan hubungan luaran
Sony Group Corporation

Kaori Takezawa

Sejarah Budaya Beretika Kita

~Mutiaras Kata Pengasas kita~

Dengan pemerolehan CBS Records dan Columbia Pictures, Sony kini dianggap sebagai peneraju syarikat Jepun dan juga syarikat berteknologi tinggi yang paling maju. Peningkatan kepada populariti kita bermaksud kita boleh dikritik secara terbuka pada bila-bila masa. Saya berpendapat, kita di Sony perlu sedar akan peningkatan ini dan memikirkan sama ada aktiviti kita, termasuk pengiklanan, promosi, publisiti, produk dan perkhidmatan perlu perubahan.

Usaha dan dedikasi yang berterusan sepanjang 40 tahun yang lalu telah menjadikan syarikat kita Sony sebuah syarikat yang dipercayai di seluruh dunia. Sila renung-renungkan perkara ini. Sebaik-baiknya perniagaan kita adalah sesuatu yang menyumbang kepada legasi syarikat kita. Daripada setiap produk yang kita hasilkan, hingga ke cara kita menjual produk dan menyediakan perkhidmatan selepas jualan, kita tidak akan dapat membina kepercayaan dalam kalangan pelbagai golongan orang di dunia tanpa memberikan perhatian yang teliti kepada setiap tindakan kita. Kepercayaan ini telah mendorong kita hingga kini dan ianya menjadi dasar syarikat kita. Hasilnya, pada hari ini, kepercayaan kepada Sony telah wujud di seluruh dunia dan kita memperolehi ramai peminat Sony. Reputasi yang baik tidak dapat dicapai dengan mudah tetapi boleh menjadi tercemar dengan pantas. Sebagaimana setiap orang mempunyai karakter dan kebaikan yang tersendiri, saya mahu syarikat kita terus disukai dan dihormati oleh semua orang di mana-mana sahaja.

Petikan daripada artikel tentang pembentangan Akio Morita semasa mesyuarat tahunan global dalaman dengan ketua perniagaan / majalah syarikat "Times" (10 Julai 1990)



Sony's Purpose & Values

Purpose

Fill the world with emotion,
through the power of creativity and technology.

Values

Dreams & Curiosity

Pioneer the future with dreams and curiosity.

Diversity


Pursue the creation of the very best by harnessing diversity and varying viewpoints.

Integrity & Sincerity

Earn the trust for the Sony brand through ethical and responsible conduct.

Sustainability


Fulfill our stakeholder responsibilities through disciplined business practices.



Creative Entertainment Vision

Create Infinite Realities

Seamlessly Connecting a Multilayered World where Physical and
Virtual Realities Overlap to Deliver Infinite KANDO
— through Creativity and Technology — Working with Creators



Bagi tujuan Tatakelakuan Sony Group ("Tatakelakuan") ini, "Sony" atau "Sony Group" bermaksud:

- (i) Sony Group Corporation;
- (ii) mana-mana syarikat yang memiliki lebih daripada 50% saham yang diterbitkan atau berkepentingan hak mengundi yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh Sony Group Corporation; dan/atau
- (iii) mana-mana syarikat yang dari semasa ke semasa akan diputuskan untuk menyertai secara bersama, oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Naib Presiden Eksekutif Kanan yang bertanggungjawab atas Pemuatan Sony Group Corporation.



Jadual Kandungan

1	Memperolehi Kepercayaan	09	4	Berusaha untuk Mencipta dan Menyampaikan Kando	22	7	Melindungi Integriti Sony	32
1-1	Memperolehi Kepercayaan untuk Jenama Sony	10	4-1	Amalkan Kepelbagaian dan Bersikap Kompetitif	23	7-1	Tiada Rasuah	33
1-2	Membuat Keputusan Perniagaan yang Baik	12	4-2	Menyampaikan Pengalaman Kando	24	7-2	Mengelakkan Konflik Kepentingan	34
1-3	Bersuara	13	4-3	Pemasaran Secara Jujur	25	7-3	Melindungi Aset Sony	34
2	Menyumbang kepada Dunia	15	4-4	Bersaing Secara Adil	25	7-4	Menyimpan Rekod dan Laporan yang Tepat	35
2-1	Menyumbang kepada Masyarakat Mapan	16	5	Bekerjasama Secara Bertanggungjawab	26	7-5	Membuat Pendedahan Umum yang Bersesuaian	36
2-2	Hidup Bersama Planet Bumi	17	5-1	Bekerjasama dengan Rakan Niaga	27	7-6	Tiada Perdagangan Orang Dalam	36
3	Memperkasa dan Menghormati Orang	18	5-2	Mendapatkan Sumber Secara Bertanggungjawab	27	7-7	Mematuhi Undang-undang Kawalan Perdagangan	37
3-1	Menghormati Hak Asasi Manusia	19	6	Mengalu-alukan Kreativiti dan Teknologi	28	7-8	Mematuhi Undang-undang Cukai	37
3-2	Mengalu-alukan Kepelbagaian Individu dan Memupuk Rasa Hormat	20	6-1	Menggunakan Teknologi Secara Bertanggungjawab	29	7-9	Berkomunikasi Secara Bertanggungjawab	38
3-3	Mengamalkan Amalan Buruh dan Pengambilan Pekerja yang Baik	21	6-2	Mencipta dan Melindungi Hak Harta Intelektual	30			
3-4	Mengekalkan Persekitaran Kerja yang Sihat dan Selamat	21	6-3	Melindungi Maklumat Sulit	30			
			6-4	Menghormati Privasi	31			
			6-5	Menyenggara Keselamatan Maklumat	31			

1

Memperolehi Kepercayaan


- 1-1 Memperolehi Kepercayaan untuk Jenama Sony — 10
- 1-2 Membuat Keputusan Perniagaan yang Baik — 12
- 1-3 Bersuara — 13

1-1

Memperolehi Kepercayaan untuk Jenama Sony

**Kita memperoleh kepercayaan untuk jenama Sony melalui
kelakuan yang beretika dan bertanggungjawab.**

Jenama Sony merupakan salah satu aset kita yang paling bernilai. Kita memelihara jenama kita apabila kita menjalankan perniagaan dengan cara yang jujur, beretika dan bertanggungjawab. Kita semua mestilah memahami dan mematuhi undang-undang dan dasar yang terpakai kepada pekerjaan kita.



The Motion Logo of the Sony logotype

1-1

Tanggungjawab Kita

Sebagai pengarah, pegawai dan pekerja Sony (“Kakitangan Sony”), kita menjalankan tanggungjawab kita mengikut Tatakelakuan apabila kita:

- Memahami dan mematuhi Tatakelakuan kita, dasar dan undang-undang yang terpakai kepada pekerjaan kita serta menyumbang kepada budaya etika dan pematuhan
- Mengajukan pertanyaan apabila kita tidak pasti tentang keputusan atau tindakan betul yang perlu diambil serta menghubungi jabatan dan pakar yang berkaitan di Sony untuk mendapatkan bantuan
- Bersuara apabila kita menyaksikan atau mengesyaki perlakuan salah laku

Para pengurus Sony mempunyai tanggungjawab tambahan untuk:

- Menjadi teladan dan peneraju budaya etika dan pematuhan dalam pasukan mereka
- Menggalakkan pekerja untuk bersuara tanpa berasa bimbang tentang tindakan balas
- Mendengar luahan pekerja, mengambil serius tentang kebimbangan mereka dan mengendalikan apa-apa isu yang dikemukakan dengan sewajarnya

Semua Kakitangan Sony mestilah mematuhi Tatakelakuan kita. Pelanggaran Tatakelakuan boleh mengakibatkan tindakan disiplin diambil, sehingga dan termasuk penamatan perkhidmatan. Selain itu, kita menghendaki pembekal, kontraktor, rakan niaga dan pihak ketiga yang lain memenuhi standard yang sama sebagaimana yang kita kehendaki daripada diri kita sendiri.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: [▶ Supplemental material for managers \(Internal only\)](#)

1-2

Membuat Keputusan Perniagaan yang Baik

Dalam tugas harian , kita membuat keputusan yang boleh memberikan kesan kepada pihak berkepentingan dan perniagaan kita. Kita semua mestilah membuat keputusan ini berdasarkan maklumat berasas dan demi kepentingan Sony. Sebelum membuat keputusan perniagaan, kita akan memastikan semua kriteria berikut dipenuhi:



Keputusan itu tidak akan melanggar mana-mana undang-undang yang terpakai, Tatakelakuan ini atau mana-mana dasar lain.



Kita mempunyai kuasa untuk membuat keputusan itu.



Keputusan itu demi kepentingan Sony dan tidak melibatkan kepentingan peribadi atau urus niaga yang menguntungkan diri sendiri.



Kita berusaha dengan suci hati dan berusaha secara munasabah untuk memahami fakta yang berkaitan dan tersedia.

Sony komited untuk menstrukturkan organisasi perniagaan kita dengan cara memastikan semak dan imbang yang bersesuaian dilakukan dalam membantu memastikan pembuatan keputusan yang baik.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | [Delegation of Authority resources \(Internal only\)](#)

1-3

Bersuara

Tindakan bersuara adalah penting untuk kita mewujudkan persekitaran kerja yang beretika. Jika kita mengesyaki bahawa seseorang terlibat dalam salah laku, kita bertanggungjawab untuk melaporkan kebimbangan kita dengan segera. Kita mengambil bahagian apabila diminta membantu siasatan.

Cara Melaporkan Kebimbangan

Sony menyediakan pelbagai cara bagi pekerja mengemukakan soalan atau kebimbangan tentang kemungkinan pelanggaran dasar Sony atau undang-undang. Anda boleh melaporkan kebimbangan pada bila-bila masa kepada:

- Pengurus anda
- Jabatan sumber manusia anda
- Jabatan undang-undang atau Jabatan etika dan pematuhan anda

Jika anda berasa tidak selesa untuk menggunakan mana-mana sumber ini, anda juga boleh menghubungi Talian Etika & Pematuhan Sony, yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang bebas. Laporan yang dibuat kepada Talian ini boleh tanpa nama dan identiti pelapor yang dirahsiakan tersebut tidak akan direkod atau dikesan.

Walau mana-mana pun sumber yang anda pilih, Sony akan merahsiakan semua maklumat yang anda kongsi. Sony hanya berkongsi maklumat ini setakat yang diperlukan untuk menjalankan siasatan dengan baik, menyediakan pemulihan atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.



Talian Etika & Pematuhan Sony:

Talian Etika & Pematuhan Sony tersedia 24 jam sehari, 365 hari setahun dalam pelbagai bahasa.


Anda boleh membuat laporan secara tanpa nama atau dengan memberikan nama anda semasa membuat laporan melalui Talian ini, tetapi jika anda memberikan nama anda, siasatan yang lebih baik dapat dilaksanakan oleh Sony.

Anda boleh mendapatkan cara mengemukakan laporan melalui telefon atau melalui laman web daripada pautan di bawah.

➤ [Sony Ethics & Compliance Hotline Website \(Internal only\)](#)

Anda juga boleh mendapatkan cara Sony mengendalikan Talian / cara Sony menyiasat laporan yang dibuat daripada pautan di bawah.

➤ [Sustainability Report / Ethics and Compliance](#)



1-3

Tiada Tindakan Balas

Anda akan dilayani dengan adil dan penuh hormat apabila anda membuat laporan atau terlibat dalam siasatan. Sony tidak membenarkan apa-apa bentuk tindakan balas terhadap sesiapa yang secara suci hati membuat laporan atau terlibat dalam siasatan. Tindakan balas yang dapat dibuktikan adalah merupakan satu pelanggaran Tatakelakuan. Mereka yang terlibat dalam tindakan balas akan dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatan perkhidmatan.

Contoh Tindakan Balas		
 Penganiayaan	 dinafikan kenaikan pangkat	 penugasan semula
 penyisihan	 penamatan pekerjaan	 pembulian
 penurunan pangkat	 pemotongan gaji	 penilaian prestasi yang buruk

2

Menyumbang kepada Dunia

- 2-1 Menyumbang kepada Masyarakat Mapan ——— 16
- 2-2 Hidup Bersama Planet Bumi ————— 17

2-1

Menyumbang kepada Masyarakat Mapan

Melalui inovasi dan amalan perniagaan yang baik, Sony berusaha untuk meningkatkan nilai korporat syarikat dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat mapan.

Untuk membolehkan manusia berhubung antara satu sama lain melalui emosi, kita perlu mewujudkan masyarakat yang mana semua orang boleh menjalani kehidupan dengan tenang dalam persekitaran global yang sihat.

Kita bertindak wajar dengan mempertimbangkan kesan aktiviti perniagaan terhadap pihak berkepentingan, termasuk pemegang saham, pelanggan, pekerja, pembekal, rakan niaga, komuniti tempatan dan organisasi lain serta persekitaran global, dan fokus untuk membina kepercayaan dengan pihak berkepentingan melalui dialog.



Untuk maklumat lanjut, sila lihat:

- [Sony Group Portal | Vision of Founder and Basic Policy for Sustainability Initiatives](#)
- [Corporate Report](#)
- [Sustainability Report](#)

2-2

Hidup Bersama Planet Bumi

Sony mengakui kepentingan memelihara alam semula jadi dan melestarikan bumi untuk generasi seterusnya.

Dunia di sekeliling kita yang merupakan kediaman semua hidupan mengilhamkan Sony untuk menyampaikan pengalaman Kando. Untuk kehidupan manusia yang sihat dan makmur, kita berusaha untuk memelihara dan menambah baik alam semula jadi melalui teknologi dan perniagaan kita. Kita komited untuk mencapai jejak alam sekitar sifar di seluruh kitaran hayat produk dan aktiviti perniagaan kita.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | [▶ Sony Group Portal | Environment](#)




Photo taken by Sony nano satellite "EYE"

3

Memperkasa dan Menghormati Orang

3-1 Menghormati Hak Asasi Manusia ————— 19

3-2 Mengalukan Kepelbagaian Individu dan Memupuk Rasa Hormat – 20

3-3 Mengamalkan Amalan Buruh dan Pengambilan Pekerja yang Baik – 21

3-4 Mengekalkan Persekitaran Kerja yang Sihat dan Selamat – 21

3-1

Menghormati Hak Asasi Manusia

Sony percaya bahawa semua manusia perlu dilayan dengan bermaruah dan penuh hormat.

Sony menghormati hak asasi manusia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa di sepanjang rantai nilai kita. Kita berusaha untuk mengelakkan apa-apa kesan buruk kepada hak asasi manusia disebabkan operasi perniagaan, produk, perkhidmatan dan/atau hubungan perniagaan kita dan bertindak dengan wajar untuk membantu dalam memulihkan apa-apa impak yang mungkin berlaku.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Sony Group Human Rights Policy](#)



3-2

Mengalu-alukan Kepelbagaian Individu dan Memupuk Rasa Hormat

Sony komited kepada budaya tempat kerja yang berasaskan kepelbagaian, rasa hormat dan kesaksamaan.

Manusia merupakan daya penggerak di sebalik kreativiti dan kejayaan Sony. Mereka akan berkembang maju dalam persekitaran yang membuatkan mereka berasa dihargai, dihormati dan terangkum. Inilah sebabnya Sony mengalu-alukan kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman. Kita bermatlamat untuk mewujudkan persekitaran yang bebas daripada gangguan atau apa-apa bentuk diskriminasi. Keputusan pengambilan pekerja yang dibuat oleh Sony berdasarkan kepada perniagaan yang sah termasuk prestasi dan merit.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Sony Group Portal | Diversity, Equity & Inclusion](#)



3-3

Mengamalkan Amalan Buruh dan Pengambilan Pekerja yang Baik

Sony menerapkan amalan buruh dan pengambilan pekerja yang baik serta memastikan pekerja dilayan mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai.

Sony menghormati hak pekerja untuk menubuhkan dan menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka atau memilih untuk tidak menyertai apa-apa aktiviti ini.

Sony tidak akan menggunakan apa-apa bentuk buruh paksa yang memaksa seseorang untuk bekerja tanpa kerelaan mereka. Perkara ini termasuklah buruh paksa untuk melangsaikan hutang, buruh banduan atau pemerdagangan manusia. Sony tidak akan menggunakan buruh kanak-kanak. Walau bagaimanapun, Sony akan membenarkan kanak-kanak untuk bekerja, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan, contohnya sebagai pelakon, artis rakaman atau penghibur.



“Kanak-kanak”:

Seseorang yang berumur di bawah 15 tahun (atau yang berumur di bawah 14 tahun jika undang-undang tempatan menetapkan umur yang lebih muda) atau umur sah minimum mengikut undang-undang tempatan untuk bekerja, jika melebihi umur ini.

3-4

Mengekalkan Persekitaran Kerja yang Sihat dan Selamat

Sony mengekalkan persekitaran kerja yang sihat, selamat dan produktif.

Sony mengutamakan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerja serta rakan niaga kita. Inilah sebabnya kita mematuhi undang-undang serta dasar kesihatan dan keselamatan yang terpakai.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Sustainability Report / Occupational Health & Safety](#)

4

Berusaha untuk Mencipta dan Menyampaikan Kando

4-1 Amalkan Kepelbagaian dan Bersikap Kompetitif — 23

4-2 Menyampaikan Pengalaman Kando — 24

4-3 Pemasaran Secara Jujur — 25

4-4 Bersaing Secara Adil — 25


4-1

Amalkan Kepelbagaian dan Bersikap Kompetitif

Sony mengalu-alukan kepelbagaian sebagai asas kelebihan kompetitif kita.

Kepelbagaian ialah sebahagian DNA Sony. Perniagaan, pekerja dan pihak berkepentingan kita adalah berbagai-bagai. Hal ini memberi kita kekuatan dan membawa kepada kelebihan kompetitif. Apabila bekerja dalam dunia yang pelbagai ini, kita sedar bahawa kelakuan yang dianggap boleh diterima dari segi sosial dan pekerjaan dalam suatu budaya atau rantau mungkin tidak boleh diterima dalam budaya atau rantau yang lain. Kita sentiasa mengingatkan diri kita tentang perkara ini apabila melakukan tugas kita.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Sony Group Portal](#) | [Special You](#), [Diverse Sony](#)



4-2

Menyampaikan Pengalaman Kando

Sony menyediakan produk, perkhidmatan dan hiburan yang menambah baik kehidupan.

Sony percaya bahawa kualiti, keselamatan, keterjaminan dan kebolehcapaian produk, perkhidmatan serta hiburan kita adalah amat penting untuk mencipta, menyampaikan dan mengongsikan Kando. Oleh itu, Sony mencapai atau menjangkau standard yang dimandatkan oleh undang-undang dari segi kualiti, keselamatan, keterjaminan dan kebolehcapaian. Kita komited untuk memberikan maklumat yang tepat dan mudah dibaca serta difahami kepada pelanggan kita.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat:

- [Sony Group Portal | Accessibility](#)
- [Sustainability Report / Quality and Customer Service](#)
- [Accessibility resources \(Internal only\)](#)
- [Quality Management resources \(Internal only\)](#)



"Produk, perkhidmatan dan hiburan":

Segala yang disediakan oleh Sony kepada pelanggan, termasuk produk perisian, produk perkakasan, perkhidmatan dan hiburan.

"Kebolehcapaian":

Kebiasaan untuk menggunakan produk, perkhidmatan dan hiburan tanpa mengira ciri setiap individu seperti umur dan kelainan upaya, keupayaan atau keadaan.

4-3

Pemasaran Secara Jujur

Sony memasarkan dan mengiklankan produk, perkhidmatan dan hiburan secara jujur.

Pelanggan kita bergantung pada kejujuran kita apabila kita berkomunikasi tentang produk, perkhidmatan dan hiburan. Hal ini membolehkan mereka membuat keputusan termaklum. Kita tidak terlibat dalam pengiklanan dan pemasaran yang palsu atau mengelirukan.



Jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan tentang pengiklanan dan pemasaran, sila hubungi jabatan undang-undang anda.

4-4

Bersaing Secara Adil

Sony bersaing dengan bersungguh-sungguh, secara adil dan mematuhi semua undang-undang antitrust dan persaingan yang terpakai.

Undang-undang antitrust dan persaingan menyokong persaingan pasaran, yang membolehkan syarikat penyedia produk, perkhidmatan dan hiburan beroperasi di bawah terma yang lebih baik untuk berjaya. Undang-undang persaingan melarang perjanjian atau amalan yang menghalang atau memusnahkan persaingan yang adil. Kita mesti mendapatkan nasihat daripada jabatan undang-undang kita sebelum bertukar-tukar maklumat dengan para pesaing. Kita mesti memahami dan mematuhi undang-undang persaingan yang terpakai di mana-mana sahaja kita menjalankan perniagaan.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | [Sony Group Global Policy on Antitrust/ Competition Law Compliance \(Internal only\)](#)

5

Bekerjasama Secara Bertanggungjawab

- 5-1 Bekerjasama dengan Rakan Niaga ————— 27
- 5-2 Mendapatkan Sumber Secara Bertanggungjawab — 27

5-1

Bekerjasama dengan Rakan Niaga

Sony menggunakan khidmat pihak ketiga yang mempunyai komitmen kepada etika dan pematuhan seperti kita.

Sony bekerjasama dengan pihak ketiga untuk membantu mencapai matlamat perniagaan kita. Kita mesti mengenali mereka. Hal ini akan dapat membantu kita untuk mematuhi undang-undang yang terpakai dan mengurangkan risiko salah laku seperti sogokan, penipuan atau pengubahan wang haram.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Sony Group Third Party Engagement Policy \(Internal only\)](#)

5-2

Mendapatkan Sumber Secara Bertanggungjawab

Sony mendapatkan sumber secara adil dan bertanggungjawab daripada pembekal dan kontraktor yang dipercayai.

Pembekal dan kontraktor adalah penting kepada kejayaan kita yang berterusan. Kita membina rasa saling percaya dan bekerjasama dengan pembekal dan kontraktor kita. Kita menghendaki mereka memahami dan mematuhi nilai etika Sony, dasar yang terpakai dan keperluan undang-undang.

Sony komited kepada perolehan yang adil berdasarkan keadaan objektif seperti harga yang kompetitif, kualiti, teknologi dan penyampaian.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat:

- [Sony Supply Chain Code of Conduct](#)
- [Sony Group Policy for Responsible Supply Chain of Minerals](#)
- [Sony Music Entertainment Supplier Code of Conduct](#)
(Terpakai kepada pembekal Sony Music Entertainment)
- [Sony Pictures Entertainment Supplier Code of Conduct](#)
(Terpakai kepada pembekal Sony Pictures Entertainment)
- [Sony Interactive Business Principles](#)
(Terpakai kepada pembekal Sony Pictures Entertainment)

6

Mengalu-alukan Kreativiti dan Teknologi

6-1 Menggunakan Teknologi Secara Bertanggungjawab — 29

6-2 Mencipta dan Melindungi Hak Harta Intelektual — 30

6-3 Melindungi Maklumat Sulit — 30

6-4 Menghormati Privasi — 31

6-5 Menyenggara Keselamatan Maklumat — 31

6-1

Menggunakan Teknologi Secara Bertanggungjawab

Sony komited kepada penggunaan teknologi secara bertanggungjawab.

Inovasi dan teknologi maju berpotensi untuk memberikan nilai dan manfaat yang besar kepada orang di seluruh dunia. Sony menggunakan teknologi yang inovatif untuk meluaskan kreativiti dan menyampaikan Kando melalui produk, perkhidmatan dan hiburan kita. Pada masa yang sama, kita faham bahawa sesetengah teknologi boleh menyebabkan mudarat. Kita komited kepada pembangunan dan penggunaan teknologi secara beretika serta pematuhan kepada undang-undang dan dasar yang terpakai.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat:

- [Sony Group's Initiatives for Responsible AI](#)
- [Sustainability Report / Technology](#)
- [AI Ethics resources \(Internal only\)](#)



Inisiatif Kumpulan Sony untuk AI yang bertanggungjawab

Sony, dengan matlamat menggunakan teknologi AI untuk memperkayakan gaya hidup orang ramai dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat, akan meneruskan kebertanggungjawaban dan ketelusan sambil terlibat secara aktif dalam dialog dengan pihak berkepentingan. Kita akan terus mempromosikan AI yang bertanggungjawab untuk mengekalkan kepercayaan terhadap produk dan perkhidmatan oleh pihak yang berkepentingan.

6-2

Mencipta dan Melindungi Hak Harta Intelektual

Sony bersungguh-sungguh mempertahankan hak harta intelektualnya dan menghormati hak orang lain.

Hak harta intelektual Sony ialah hasil daripada usaha berterusan kita untuk membangunkan kreativiti dan teknologi. Kita berusaha untuk terus mencipta dan melindungi hak harta intelektual Sony. Kita tidak menyalahgunakan hak harta intelektual orang lain atau melanggar hak harta intelektual mereka dengan sengaja. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, semua rekaan dan ciptaan yang dihasilkan oleh pekerja Sony ialah milik Sony. Kita akan melindungi hak rekaan dan ciptaan Sony mengikut undang-undang dan dasar syarikat.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Intellectual property resources \(Internal only\)](#)



Contoh hak harta intelektual Sony:

Paten, reka bentuk, tanda dagangan, rahsia perdagangan dan hak cipta termasuk penggubahan, rakaman bunyi, karya visual dan program komputer.

6-3

Melindungi Maklumat Sulit

Sony melindungi maklumat sulit dan proprietari.

Maklumat sulit dan proprietari kita dan maklumat sedemikian yang diamanahkan kepada kita oleh pembekal, rakan niaga atau pelanggan kita, adalah amat penting untuk kejayaan kita yang berterusan. Kita mesti menggunakan atau mendedahkan apa-apa maklumat sedemikian dalam skop yang dibenarkan oleh syarikat.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Confidential information resources \(Internal only\)](#)



"Maklumat sulit dan proprietari":

Apa-apa maklumat penting atau berharga yang belum didedahkan kepada orang awam seperti: Rekaan, ciptaan, pengetahuan dan rahsia perdagangan serta maklumat kewangan, strategi korporat, program pemasaran dan maklumat tentang hubungan dengan pelanggan, pembekal dan rakan niaga.

6-4

Menghormati Privasi

Sony menghormati privasi individu dan melindungi maklumat peribadi.

Warga dan pihak berkepentingan kita mempercayai kita untuk melindungi apa-apa maklumat peribadi yang kita kumpulkan semasa menjalankan perniagaan. Untuk mendapatkan kepercayaan tersebut, Sony telah menetapkan dasar untuk melindungi dan memastikan pengendalian maklumat peribadi yang beretika. Kita mesti mematuhi dasar ini apabila kita mengumpulkan, menyenggara, menggunakan, mendedahkan atau melupuskan maklumat peribadi.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat:

- [Privacy resources \(Internal only\)](#)
- [Sony Global Privacy Management Policy \(Internal only\)](#)

6-5

Menyenggara Keselamatan Maklumat

Sony melindungi aset maklumat dan sistem maklumatnya.

Sony mengakui kepentingan keselamatan maklumat dalam mencapai kejayaan kewangan dan mengekalkan kepercayaan pihak berkepentingan kita. Kita semua mesti melindungi maklumat dan sistem kita dengan mematuhi dasar dan prosedur keselamatan maklumat Sony.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Information Security resources \(Internal only\)](#)

7

Melindungi Integriti Sony

7-1	Tiada Rasuah —————	33	7-4	Menyimpan Rekod dan Laporan yang Tepat —	35	7-7	Mematuhi Undang-undang Kawalan Perdagangan —	37
7-2	Mengelakkan Konflik Kepentingan ———	34	7-5	Membuat Pendedahan Umum yang Bersesuaian -	36	7-8	Mematuhi Undang-undang Cukai ————	37
7-3	Melindungi Aset Sony —————	34	7-6	Tiada Perdagangan Orang Dalam ————	36	7-9	Berkomunikasi Secara Bertanggungjawab —	38

7-1

Tiada Rasuah

Sony melarang rasuah dalam apa-apa bentuk, dalam sektor kerajaan dan komersial.

Rasuah mengakibatkan kesan yang negatif kepada komuniti dan ekonomi dalam sektor perniagaan kita. Kita tidak sekali-kali akan memberikan hadiah, hiburan atau kemudahan lain untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Kita mematuhi semua undang-undang antirasuah yang terpakai.

Kita berhati-hati apabila berurusan dengan pegawai kerajaan. Kita tidak menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa yang bernilai kepada pegawai kerajaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mendapatkan aturan atau tindakan yang menguntungkan daripada pegawai tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat:

➤ [Sony Group Anti-Bribery Policy \(Internal only\)](#)

➤ [Sony Group Third Party Engagement Policy \(Internal only\)](#)



Perkara yang perlu diberikan perhatian:

- Anda dilarang sama sekali untuk menyogok pegawai kerajaan.
- Semua pembayaran, kepada atau bagi pihak pegawai kerajaan, mestilah direkodkan dengan tepat.
- Kita mesti mendapatkan kelulusan lebih awal berkenaan apa-apa pembayaran kepada pegawai kerajaan mengikut dasar dalaman.
- Pegawai kerajaan termasuk individu yang bekerja untuk kerajaan tempatan, negeri/daerah atau negara atau organisasi antarabangsa awam, entiti yang dimiliki, dikawal dan/atau dibiayai oleh kerajaan seperti sekolah, hospital, syarikat penyiaran awam dan mereka yang merupakan kerabat diraja.

Jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan, sila hubungi bahagian undang-undang atau etika dan pematuhan anda.

7-2

Mengelakkan Konflik Kepentingan

Kita bertindak demi kepentingan Sony dan tidak membenarkan kepentingan peribadi mengganggu kerja kita di Sony.

Menggunakan pertimbangan yang baik untuk membuat pilihan terbaik untuk perniagaan kita membolehkan kita mengejar matlamat kita tanpa kesetiaan yang berbelah bagi. Kita tidak menerima hadiah atau mempunyai kepentingan kewangan yang boleh memberikan kesan buruk kepada kesetiaan kita kepada Sony. Malah, kita mengelakkan gambaran konflik kepentingan. Kita mendedahkan apa-apa kemungkinan konflik kepada pengurus kita dengan segera untuk semakan dan kelulusan.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat:

- [Conflicts of interest resources \(Internal only\)](#)
- [Gifts and entertainment resources \(Internal only\)](#)



Jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan tentang kemungkinan konflik kepentingan, sila hubungi jabatan undang-undang atau jabatan etika dan pematuhan anda.

7-3

Melindungi Aset Sony

Sony melindungi asetnya daripada apa-apa jenis kerugian atau penyalahgunaan.

Aset Sony hendaklah digunakan bagi tujuan perniagaan yang sah sahaja dan hanya oleh pekerja Sony yang dibenarkan atau orang yang terlantik. Kita mestilah tidak mendapatkan manfaat peribadi menggunakan aset Sony. Sony berhak untuk memantau dan memeriksa aset Sony, termasuk e-mel, data dan fail yang disimpan dalam komputer Sony atau peranti yang lain, mengikut undang-undang yang terpakai.



"Aset Sony":

Aset ketara dan tak ketara, termasuk jenama, tanda dagangan, pengetahuan, maklumat sulit atau proprietari dan sistem maklumat.


7-4

Menyimpan Rekod dan Laporan yang Tepat

Kita memastikan supaya semua rekod dan laporan adalah tepat, lengkap, telus dan tepat waktu.

Rekod yang tepat dan laporan yang tepat waktu membantu kita membuat keputusan perniagaan yang betul. Apa-apa maklumat yang kita rekodkan dan laporkan mestilah menggambarkan fakta secara adil. Ini termasuk semua maklumat dalaman dan luaran, sama ada maklumat itu berkaitan dengan rekod kewangan atau tidak. Kita tidak boleh menyebabkan rekod menjadi tidak tepat atau menghasilkan rekod yang mengelirukan atau palsu.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | [Sony Group Record Retention Policy \(Internal only\)](#)



7-5

Membuat Pendedahan Umum yang Bersesuaian

Sony memastikan pendedahan umum kita adalah adil, tepat waktu, tepat dan boleh difahami.

Saham Sony disenaraikan di bursa Jepun dan Amerika Syarikat. Pemegang saham dan pelabur kita bergantung pada pendedahan umum kita yang tepat waktu dan tepat untuk membuat keputusan pelaburan mereka. Sony berusaha untuk mengadakan dialog yang membina dengan pemegang saham dan pelabur bagi mengekalkan hubungan yang berasaskan rasa percaya. Pemegang saham dan pelabur kita mahu kita mematuhi keperluan yang berkaitan berkenaan pendedahan umum. Pekerja yang menyediakan pendedahan umum mestilah mematuhi Kawalan dan Prosedur Pendedahan Sony.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat:

- [Disclosure Controls and Procedures \(Internal only\)](#)
- [Disclosure resources \(Internal only\)](#)

7-6

Tiada Perdagangan Orang Dalam

Kita tidak menggunakan atau berkongsi maklumat penting bukan umum untuk membeli atau menjual saham atau sekuriti yang lain.

Semasa bekerja untuk Sony, kita mungkin mempunyai akses kepada maklumat yang tidak diketahui oleh orang awam. Tindakan mendagangkan saham atau sekuriti lain semasa memiliki maklumat penting bukan umum tentang suatu syarikat atau berkongsi maklumat sedemikian dengan orang lain yang boleh mendorong mereka untuk melakukan dagangan, adalah salah di sisi undang-undang dan tertakluk pada penalti sivil dan jenayah di banyak negara. Kita mesti memahami dan mematuhi dasar perdagangan orang dalam Sony.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat:

- [Global Policy on Insider Trading Prevention \(Internal only\)](#)
- [Regulations for Prevention of Insider Trading](#)
- [apply to group companies in Japan \(Internal only\)](#)



"Maklumat penting bukan umum":

Apa-apa maklumat bukan umum yang akan dianggap penting oleh pelabur munasabah dalam menentukan sama ada mahu mendagangkan saham atau sekuriti.

7-7

Mematuhi Undang-undang Kawalan Perdagangan

Sony menjalankan aktiviti perniagaan mengikut undang-undang kawalan perdagangan dan dasar dalaman.

Aktiviti perniagaan Sony berkemungkinan tertakluk pada undang-undang kawalan perdagangan yang bertujuan untuk memelihara keamanan dan keselamatan. Undang-undang ini melarang atau menyekat jualan atau transaksi lain yang melibatkan produk, perkhidmatan, perisian dan teknologi tertentu kepada negara, rantau, individu atau entiti tertentu. Kita mematuhi undang-undang ini dan juga dasar dalaman yang berkaitan.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Sony Group trade control resources \(Internal only\)](#)



- S.** Apakah yang perlu kita lakukan apabila kita menyediakan maklumat produk atau teknikal kepada rakan niaga asing?
- J.** Anda perlu menyemak pemakaian peraturan kawalan eksport yang terpakai untuk rakan niaga tersebut dan maklumat produk serta teknikal yang akan dieksport. Selain itu, jika kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkaitan diperlukan untuk membuat eksport, anda perlu mendapatkan kebenaran tersebut sebelum anda mengeksport apa-apa produk.

7-8

Mematuhi Undang-undang Cukai

Sony mematuhi undang-undang dan peraturan cukai yang berkaitan apabila kita menjalankan perniagaan serta peraturan dan panduan lazim berkenaan percukaian antarabangsa.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab yang menjalankan perniagaan di seluruh dunia, Sony memahami kewajipannya untuk membayar cukai, jika berkenaan. Walaupun pengurusan fiskal yang baik menghendaki kita mengurus beban cukai kita, kita hanya berbuat demikian melalui cara yang sah. Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan sedemikian yang terpakai.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Sustainability Report / Policy and Governance Framework on Tax Strategy](#)

7-9

Berkomunikasi Secara Bertanggungjawab

Kita berkomunikasi dengan media dan pihak lain dengan memberikan maklumat yang jelas dan tepat setelah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu.

Perkara yang kita katakan tentang Sony boleh memberikan kesan kepada reputasi kita. Untuk memberikan maklumat yang jelas dan tepat kepada orang awam, hanya jabatan yang dikhususkan seperti jabatan Komunikasi Korporat dan Perhubungan Pelabur yang akan berkomunikasi dengan media, penganalisis sekuriti dan pihak lain. Apabila berkomunikasi dengan pihak akhbar, wartawan atau penganalisis sekuriti bagi pihak Sony, kita akan mendapatkan kelulusan daripada syarikat terlebih dahulu melalui cara yang sesuai seperti dengan merujuk Komunikasi Korporat dan Perhubungan Pelabur.

Apabila menggunakan media sosial secara peribadi, kita mestilah mematuhi dasar Sony supaya kita tidak memberikan gambaran bahawa kita berkomunikasi bagi pihak Sony.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat: | ➤ [Policies for use of social media \(Internal only\)](#)





Logo Taip SONY Standard

Pengasas kita mencipta nama “SONY”, menggabungkan perkataan Latin “sonus” yang bermakna “bunyi” dengan perkataan diminutif “sonny” yang bermaksud budak lelaki yang pintar. Perkataan ini mudah disebut dan dibaca dalam sebarang bahasa serta berbunyi pendek yang ceria, sepadan dengan semangat kebebasan dan keterbukaan minda yang ditekankan oleh Pengasas Masaru Ibuka dalam Prospektus Pengasas syarikat.

Foto ini menunjukkan logo taip SONY standard yang dihadiahkan kepada Norio Ohga, mantan Pengerusi Sony Corporation, yang amat percayai bahawa keempat-empat aksara dalam “S O N Y” merupakan aset kita yang paling berharga. Kita memilih imej ini untuk memperkenalkan Tatakelakuan kita kerana imej ini mencerminkan betapa kita menghargai imej jenama Sony dan kepentingan mengekalkan reputasi dan jenama Sony dengan mengikut prinsip Tatakelakuan kita.

TATAKELAKUAN SONY GROUP

©2003-2025 SONY GROUP CORPORATION

Document Number: 2025.12.1

Publisher: Ethics & Trust Department, Sony Group Corporation

SONY